# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 7 JANUARI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br><br>2.<br><br>3.<br>4. | MINISTER OF AGRICULTURE TO APPEAR FOR CNY ALBUM, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22<br>AGRICULTURE MINISTER AND WIFE SHOOT CNY VIDEO, NEWS, GUANG MING DAILY -A3<br>AGRICULTURE MINISTER TAKES CNY GREETING PHOTO, NATION, SIN CHEW DAILY -9<br>MELAKA MULLS HIGHER QUIT RENT FOR IDLE LAND, NEWS, STAR -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 5.<br><br>6. | PEMILIK BUAT LAPORAN POLIS SELEPAS TIGA EKOR ANJING MATI DIRACUN, NEGARA, KOSMO -15<br>ATTACK OF THE DOGS CONTINUES, NATION, STAR -10 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 7.<br>8.<br>9.<br>10. | NELAYAN PERLU BAWA ALAT KESELAMATAN, NEGARA, KOSMO -12<br>POLIS MARIN RAMPAS 12 PUKAT BUBU NAGA, NEGARA, KOSMO -10<br>‘HARAP TENGKUJUH TAK PANJANG’, SENTRAL, SH -18<br>KEMBUNG RM20 SEKILO, SETEMPAT, HM -9 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) / LEMBAGA KEMAJUAN IKAN (LKIM) |
| 11. | SAMBAL PONDOK-PONDOK HASIL AIR TANGAN TERBAIK NOORLAILAH, NIAGA, KOSMO -46 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 12.<br><br>13.<br><br>14.<br>15.<br>16. | NAJIB: PRICES OF EGGS HAVE NOT GONE DOWN, BUT GOING UP, NATION, CHINA PRESS -A7<br>NAJIB QUESTIONS MINISTER OF AGRICULTURE AND AGRO – BASED INDUSTRY OVER THE PRICE INCREASE OF, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14<br>REZEKI LUMAYAN TERNAK ARNAB, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -33<br>ANGGUR UZBEKISTAN DI PASIR MAS, SETEMPAT, SH -36<br>BEKALAN CUKUP, KLIK, TENGAH, SH -17 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Miniter of Agriculture to appear for CNY album | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 07 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A22 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 171 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,151 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,453 |



# 农长拍贺年专辑

（新山6日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁偕同夫人拿汀法蒂玛拍摄农历新年贺年照片，准备向华社献上祝福，其中一张在面子书“埔来国会人民服务中心”上载的照片显示，他摆出功夫架势任拍，有“金鸡独立”之势。

只见他挺起单脚和摊开双手，接近太极拳金鸡独立的招式。看来，部长为贺岁专辑也下了不少功夫。

有华裔血统的沙拉胡丁，是穿上红色唐装与身穿红色马来装的夫人，一起参与拍摄。

究竟沙拉胡丁最终版的贺年照片还有什么惊喜，拭目以待。




“埔来国会人民服务中心”上载沙拉胡丁部分拍摄的贺年照片，其中一个招式是“金鸡独立”。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister and wife shoot CNY video | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 07 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 53,140 |
| Page No | A3 | Readership | 159,420 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 179 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,712 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,136 |





## 逗趣擺功夫架勢
# 農長夫婦拍賀歲專輯

（新山6日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁携同妻子拿汀法蒂玛穿上红色喜洋洋的服饰拍摄华人农历新年贺年照片专辑，以便在华人欢庆农历新年时，向华社献上祝福。

沙拉胡丁也是埔来区国会议员及新邦二南州议员，他昨日回到埔来选区巡视后，特别抽空携同夫人到新山淡杯乌达新镇一家相馆拍摄贺岁照片。

沙拉胡丁穿上红彤彤的唐装，与同样身穿红色马来装的妻子，一起拍摄贺岁照片。(LSL)



■沙拉胡丁与夫人向华社献上新年祝福。

■沙拉胡丁拍摄时，逗趣地摆出“功夫架势”。

Powered by: isentia

| Headline | Agriculture minister takes CNY greeting photo | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 07 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 9 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 179 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,629 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,887 |



## 向華社獻祝福

# 農長伉儷拍賀歲照



（新山6日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁偕同夫人拿汀法蒂玛拍摄农历新年贺年照片专辑，准备在华人欢庆农历新年时，向华社献上祝福！

也是埔来区国会议员及新邦二南州议员的沙拉胡丁昨日回到埔来选区巡视后，特别抽空偕同夫人到新山淡杯乌达新镇一家相馆拍摄贺岁照片。

沙拉胡丁穿上红彤彤的唐装，与同样身穿红色马来装的夫人，一起拍摄贺岁照片。

沙拉胡丁与夫人向华社献上新年祝福！

沙拉胡丁在拍摄时，向镜头展现活泼的一面，很认真摆出了“武林高手”的功夫架式。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | STAR | NEWS | 2 |

MELAKA

# Melaka mulls higher quit rent for idle land

By ROSHIDI ABU SAMAH
malacca@thestar.com.my

OWNERS of idle land in Melaka may have to pay higher quit rent from 2022.

Chief Minister Adly Zahari said the state government was mulling the plan and if implemented, would involve all types of idle land including agricultural, residential and industrial.

"The state Land and Mines Office has been asked to study its implementation in the next three years.

"They will look at practices in other countries such as Singapore and Japan," he said after a meeting with Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub at Seri Complex in Ayer Keroh.

Also present were state Agriculture, Entrepreneur Development and Agro-based Committee chairman Norhizam Hassan Baktee and state secretary Datuk Wira Roslan Ibrahim.

Adly said the higher quit rent would be enforced in 2022 at the earliest, but only after properly evaluating the study done by the Land and Mines Office.

He said the idle land problem was a complex issue and the state government was obtaining data of the total area in the state.

"We will require the cooperation of the owners to ensure their idle land would be developed to the optimum," he said.

Adly said idle land did not bring any benefit to the owner or any revenue to the state government.

On another matter, Salahuddin said Melaka had the potential to become the leading producer of chicken eggs in the country.

According to the statistics by the state Agricultural Department, Melaka produced 2.86 billion chicken eggs annually.




(From left) Roslan, Adly, Salahuddin and Norhizam after a meeting at Seri Negeri Complex in Ayer Keroh, Melaka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Pemilik buat laporan polis selepas tiga ekor anjing mati diracun


KEADAAN anjing yang telah mati akibat diracun.

**SEREMBAN** – Tiga ekor anjing termasuk seekor anjing milik seorang lelaki berusia 50 tahun di Taman Lavender Heights di sini ditemui mati dipercayai akibat diracun pihak tidak bertanggungjawab baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Thiew Hock Poh berkata, pihak polis menerima laporan berhubung kejadian itu yang dibuat lelaki tersebut petang kelmarin.

"Lelaki itu mendakwa pada 1 Januari lalu dia menemui seekor anjingnya mati di lorong belakang rumahnya.

"Dia kemudian menemui dua lagi anjing mati berdekatan dengan rumahnya antara 1 hingga 4 Januari lalu.

"Dia mengesyaki anjing peliharaannya dan dua ekor anjing lain yang ditemui mati itu diracun oleh individu tertentu," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Hock Poh berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 428 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan membunuh atau mencacatkan haiwan.

Insiden itu tular di media sosial sejak kelmarin dan seorang pencinta haiwan di ibu negara turut membuat laporan polis berhubung perkara berkenaan di Gombak.

Kejadian tersebut mendapat perhatian Pertubuhan Kebajikan Haiwan Malaysia (Mawa) yang mengkritik pelaku kejadian tersebut.

Pengasasnya, S.Mukunnan ketika dihubungi pemberita berkata, orang ramai perlu diberi kesedaran bahawa mereka boleh didakwa jika membunuh haiwan termasuk kucing atau anjing.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | STAR | NATION | 10 |

# Attack of the dogs continues

## Couple finds chopped up bodies of strays

By M. KUMAR and SARBAN SINGH
newsdesk@thestar.com.my

**SELAYANG:** After a case of dog poisoning in Seremban, canines have been found grisly butchered or burnt near the People's Housing Project Wahyu 2 here.

Lorry driver Amar Singh, 56, and his wife Daljit Kaur, 52, who have been looking after the strays, found five puppies and their mother poisoned while three others had their legs and body chopped off.

The couple stumbled on the carcasses yesterday.

"We buried nine of them. I don't know what to say," said Daljit when met at the empty plot of land behind the PPR where the dogs were found.

The couple had been looking after the dogs for seven years.

"We come to give them food every day at 6pm," she said, adding she found the puppies dead when she went to feed them yesterday.

"Someone had left a bowl of rice mixed with poison near them.

"Then, some people fishing at a nearby pond alerted us that one of our dogs was left in the mud with both its back legs chopped off. My husband rushed it to a veterinary hospital nearby but the dog is in critical condition.

"Another man also told us that he saw a man dragging another dog into some bushes on the other side of the pond before chopping it up and burning it," she said, adding the dogs were not aggressive and there had been no complaints from residents.

"We neutered them, fed them and built a few makeshift shelters so that they don't roam around.

"Why would anyone do something like this?" she said, adding someone had also left poisoned rice two months ago while one of the dogs was slashed in the face.

"A few dogs died eating that rice but I didn't think it would get this bad."

Asked if she would consider moving the dogs away, she said there were too many strays.

"There are close to 30 dogs in this area and all the shelters are full. They have nowhere else to go. We are all they have," she said.

The couple have since contacted the police, who are looking into the case.

In **Seremban**, the poisoning of five dogs in Lavender Heights had triggered public outrage and concern from animal welfare groups.

> "There are close to 30 dogs in this area and all the shelters are full. They have nowhere else to go. We are all they have.
>
> **Daljit Kaur**

The dogs – one of which had an owner – were fed food laced with rat poison last week. Their carcasses were later found by residents.

The owner said his two-year-old pet was licensed and had been vaccinated since birth.

The man, who only wished to be known as Bala, said his dog had a collar issued by the Seremban Municipal Council and was always kept in his compound.

"I went to Ipoh for work and when I came back, the dog had somehow gotten out of my house.

"I found his carcass near a drain and thought nothing of it until the residents found the bodies of four stray dogs in the same area," he said.

On Facebook, over 200 users expressed anger over the incident and called for action against the perpetrator. FB user Felicia Chang wrote: "Poor dogs. They just want to eat to survive. Why are these people killing the innocent animals?"

Zuraidah Zainal Abidin pointed out that there were other ways to deal with strays in their neighbourhood.

"Cruel, inhumane and I cannot understand the rationale of it," she said.

Seremban OCPD Asst Comm Thiew Hock Poh said police had started a probe into the case after receiving a report on Saturday night and advised the public not to share details on social media.

The case is being investigated under Section 428 of the Penal Code for mischief by killing or maiming animals, which carries a jail term up to three years or with a fine.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Nelayan perlu bawa alat keselamatan

**PASIR PUTEH** – Nelayan di Kelantan perlu membawa peralatan keselamatan dan bekalan makanan yang mencukupi jika mahu menangkap ikan pada musim laut bergelora ketika ini.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, walaupun keadaan ombak laut kembali pulih dengan ketinggian antara satu hingga 1.5 meter, mereka perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan kerana musim tengkujuh masih belum berakhir.

"Nelayan masih perlu berwaspada dengan menyediakan jaket keselamatan, bekalan makanan yang mencukupi, enjin yang sentiasa diservis serta bot yang mampu bertahan ketika dilambung ombak," katanya kepada pemberita di Kampung Merkang di sini semalam.

Nurul Hizam berkata, aset-aset APMM akan terus menjalankan tanggungjawabnya untuk meronda perairan Kelantan selama 24 jam sehari walaupun keadaan laut bergelora.

Selain memastikan keamanan perairan negara, ia juga dapat menjaga keselamatan nelayan tempatan ketika mencari rezeki.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | KOSMO | NEGARA | 10 |

# Polis Marin rampas 12 pukat bubu naga

**KLANG** – Pasukan Polis Marin (PPM) merampas 12 buah pukat bubu naga yang diharamkan penggunaannya di perairan laut Sekinchan dekat sini menerusi Op Pensura kelmarin.

Bagaimanapun, dalam operasi pada pukul 5.20 petang itu, tiada tangkapan dilakukan PPM.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang, Deputi Superintenden Khairuddin Jamal berkata, penggunaan pukat bubu naga itu dikesan selepas pihaknya menemui tiga pancang buluh terapung berlampu.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati terdapat pukat bubu naga di bawah penanda.

"Anggota kami kemudiannya menjalankan pemantauan di kawasan itu selama dua jam bagi mengesan pemilik pukat tersebut, namun gagal apabila suspek tidak hadir ke lokasi," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau menambah, pihaknya merampas 12 pasang pukat bubu naga yang bernilai RM1,200.

*Kosmo!* difahamkan, pukat bubu pada asalnya digunakan di Thailand dan mendapat nama 'naga' kerana bentuknya yang disambung-sambung hingga panjang.

Penggunaan pukat bubu itu biasanya dilakukan oleh 'nelayan segera' kerana hanya perlu diletakkan di laut serta mengaut hasil lumayan sehingga memusnahkan ekosistem dan sumber hasil laut dalam jangka panjang.

Khairuddin menjelaskan, kesemua pukat itu kemudiannya dibawa balik ke markas operasi PPM Pelabuhan Klang untuk tindakan selanjutnya.

"Kes kini disiasat mengikut Seksyen 49 (1) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan peralatan tiada kebenaran dan kelulusan daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.



PASUKAN Polis Marin mengesan penggunaan pukat bubu naga ini selepas pihaknya menemui tiga pancang buluh terapung berlampu di laut Sekinchan, Selangor kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 18 |

# 'Harap tengkujuh tak panjang'

*Nelayan cari alternatif tampung pendapatan sepanjang tidak ke laut*

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN



SAADON



MOHD ASRI

Faktor cuaca yang tidak menentu di musim tengkujuh melemahkan ekonomi nelayan pesisir pantai sekitar daerah ini, beberapa minggu ini.

Nelayan sekitar Kampung Kempadang mengakui pendapatan mereka menurun 50 peratus berbanding hari biasa.

Mohd Zairi Zainal Abidin, 34, berkata, atas faktor keselamatan beliau tidak turun ke laut bagi menangkap ikan sebaliknya menggunakan masa terluang untuk menjahit jala dan membaiki peralatan.

"Untuk tambah pendapatan ada kalanya saya masuk hutan cari hasil untuk dijual. Selebihnya kami duduk di pasar nelayan ini, menjahit jala.

"Memang beginilah kalau monsun, tapi kalau cuaca elok turun juga ke laut, itu sahaja sumber pendapatan yang ada.

"Kalau nak turun kami tengok keadaan laut juga, sama ada air bergelora atau tak dan faktor angin," katanya ketika ditemui Sinar Harian di Pasar nelayan Kampung Kempadang di sini, semalam.

Rakannya, Mohd Khairul Anuar Awang, 39, berkata, pendapatannya merudum teruk sepanjang musim tengkujuh ini.

Menurutnya, kebiasaan dia meraih pendapatan RM700 hingga RM800 sekali ke laut, namun beberapa hari dia sekadar memperoleh RM300 ke RM400.

"Cuaca tak elok. Ombak tinggi dan laut bergelora. Membahayakan keselamatan. Itu pun kita berani turun sekitar lima kilometer dari pantai.

"Pendapatan memang terjejas teruk minggu ini. Saya terpaksa turun juga sekitar jam 4 pagi dan balik jam 1 tengah hari. Ada nelayan yang pulang sekitar jam 6 petang. Pergi pun tak jauh, sekitar sini sahaja untuk elak risiko tak diingini," katanya.

Beliau yang menyara tiga anak berusia enam hingga sembilan tahun ini berharap cuaca akan semakin baik dan laut kembali pulih untuk nelayan turun menangkap ikan seperti sedia kala.

Seperkara lagi, yang menjadi harapan nelayan pesisir pantai di sini adalah permohonan mendapatkan lesen bot dipermudahkan agar urusan mereka turun ke laut bagi mencari rezeki.

Katanya, lesen tersebut amat diperlukan bagi mengelakkan risiko seperti bot karam dan hilang.

"Dah lebih setahun memohon tapi tak dapat lagi. Saya harap kerajaan permudahkanlah urusan," katanya.

Sementara itu, tinjauan di perkampungan nelayan Sri Cempaka mendapati, rata-rata nelayan sudah membuat persiapan awal menghadapi musim tengkujuh.

Saadon Su, 57, berkata, persiapan dilakukan beberapa bulan sebelum ini bagi menampung pendapatan mereka.

"Ada buat kerja sambilan. Ada yang ambil upah jahit jala, baiki bot dan sebagainya. Tak menentu. Buat saja kerja halal yang boleh tampung pendapatan.

"Cuma kali ini agak panjang tempoh tak turun ke laut tu dan dijangka laut bergelora untuk tempoh hampir dua minggu lagi," katanya.

Bagi Mohd Asri Abdul Rahman, 47, atau lebih dikenali sebagai Pak Lah, mengakui keadaan laut tidak selamat untuk nelayan turun mencari rezeki.

"Harap keadaan tidak berpanjangan supaya boleh turun ke laut semula.

"Untuk tampung pendapatan nelayan cari rezeki dengan membaiki bot dan pukat," katanya.



Mohd Zairi (kiri) dan Mohd Khairul Anuar (kanan) mengisi masa lapang dengan menjahit jala di Pasar Nelayan Kampung Kempadang.



Rata-rata nelayan tidak ke laut sepanjang musim tengkujuh ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 9 |




ASRI (kanan) melayan pelanggan membeli ikan di gerainya.

# Kembung RM20 sekilo

## Ribut Pabuk sebabkan harga ikan naik serta jejaskan perniagaan di pasar

Ahmad Rabiul Zulkifli
cnews@nstp.com.my

**Kuala Terengganu**

Musim tengkujuh selain fenomena ribut tropika Pabuk yang melanda negeri ini membuatkan harga ikan naik, sekali gus menyebabkan kemerosotan perniagaan bahan basah itu di Pasar Besar Kedai Payang (PBKP).

Tinjauan Harian Metro ke pasar itu mendapati kawasan jualan ikan di PBKP lengang, malah ikan yang dijual lebih 20 peniaga di situ tidak mendapat sambutan menggalakkan seperti biasa.

Asri Zakaria, 50, dari Kampung Seberang Takir berkata, fenomena alam yang berlaku sejak awal November tahun lalu memberi kesan terhadap harga ikan di negeri ini.

"Sebagai peniaga, kami mengharapkan sokongan pelanggan, justeru, tidak timbul isu harga ikan itu sengaja dinaikkan untuk mengambil kesempatan terhadap pelanggan.

"Peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga ikan kerana sedia maklum kesan yang akhirnya merugikan kami sendiri. Harga ikan yang dijual itu bergantung kepada harga pasaran semasa berdasarkan harga jualan peraih ikan kepada kami.

"Kami hanya mengambil untung sekitar 50 sen hingga RM1 untuk sekilogram (sekg) dan ia sesuatu yang wajar serta tidak menindas pelanggan," katanya ketika ditemui di PBKP di sini, semalam.

Asri berkata, tidak semua pelanggan yang memahami situasi harga ikan pada musim tengkujuh, justeru, dia terpaksa memberi penerangan kepada pelanggan yang merungut dengan harapan perniagaan ikan di PBKP terus mendapat sambutan.

"Paling mendapat sambutan setiap kali jualan ialah ikan kembung, namun ikan itu kini berharga RM18 hingga RM20 sekilogram berbanding harga biasa sekitar RM14 sekilogram.




"Jika diikutkan ikan merah juga ada kenaikan iaitu RM32 sekilogram berbanding RM30 sekilogram pada akhir tahun lalu. Bagaimanapun atas budi bicara peniaga, ia tetap dijual dengan harga RM30 sekilogram," katanya.

Mustafa Abu Bakar, 60, dari Kampung Gong Badak berkata, bekalan ikan segar semakin berkurangan berikutan ramai nelayan tidak dapat turun ke laut untuk menangkap ikan.

"Peniaga terpaksa mengharapkan bekalan ikan sedia ada, selain ikan sejuk beku untuk dijual kepada pelanggan pada musim tengkujuh.

"Terpualng kepada pelanggan sama ada ingin membelinya atau tidak kerana bekalan ikan berkurangan menyebabkan harga ikan juga meningkat dan ia sudah menjadi tradisi pada setiap tahun pada musim tengkujuh," katanya.

Menurutnya, dia sudah berniaga ikan lebih 10 tahun di PBKP dan sentiasa mengalami keadaan turun naik dalam perniagaannya itu, justeru tidak berasa pelik sekiranya kekurangan sambutan kerana faktor harga ikan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | KOSMO | NIAGA | 46 |

# Sambal Pondok-Pondok hasil air tangan terbaik Noorlailah

Diari Usahawan Berjaya

Oleh IKHWAN IDERIS

**KUALA LUMPUR** – Segmen makanan sedia dimakan (MRE) di negara ini memperlihatkan pertumbuhan berterusan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, berikutan perubahan gaya hidup serta kesibukan dalam melaksanakan tugasan seharian.

Pelbagai jenis produk MRE yang mendapat tempat di hati rakyat Malaysia, antaranya ialah sambal segera dengan cirinya yang versatil, boleh dinikmati dengan pelbagai jenis makanan termasuk nasi dan roti serta rasa pedas yang sesuai dengan lidah masyarakat tempatan.

Pengarah Urusan Bellazarra Catering & Services, Noorlailah Mahbob, 29, mula menghasilkan produk sambal di bawah jenama Pondok-Pondok sejak tiga tahun lalu.

Dia yang sebelum itu aktif dalam perniagaan katering mendapati, penggunaan sambal serta pes yang telah disiapkan lebih awal banyak membantu dalam penyediaan makanan dan mula menyimpan impian untuk menawarkan produk seumpamanya di pasaran.

"Bermula dari situ, saya membangunkan dan mencipta pelbagai jenis resipi sambal yang diharapkan menepati kehendak pengguna.

"Tiga syarat yang saya tetapkan dalam penghasilan sambal Pondok-Pondok ini iaitu tidak menggunakan monosodium glutamat (MSG), bahan pengawet dan belacan.

"Saya memilih untuk tidak menggunakan belacan kerana saya dapati ramai dalam kalangan masyarakat sekarang berpantang makan belacan kerana faktor alergi dan masalah kesihatan, selain memberikan kelainan dalam sambal Pondok-Pondok," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini baru-baru ini.




NOORLAILAH (kanan) bersama seorang pelanggan ketika menyertai acara Pesta Buah dan Bunga di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Gopeng, Perak baru-baru ini.

Menurut Noorlailah, bagi menambah daya saing bagi produknya, syarikat telah mendapatkan nasihat dan panduan daripada pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berhubung teknik memasak sambal dan cara pembungkusan supaya sambal dihasilkan tidak mudah rosak dan selamat.

"Formulasi tersebut berjaya membuatkan sambal kami memiliki jangka hayat selama enam bulan dan sekiranya ia dimasukkan di dalam peti ais selepas dibuka, ia mampu tahan lama sehingga berminggu-minggu.

"Meskipun tidak disimpan dalam peti ais, sambal ini masih mampu bertahan selama tiga hari selepas dibuka," jelasnya.



ANTARA produk sambal Pondok-Pondok yang terdapat di pasaran.

Selain MARDI, Noorlailah turut mendapatkan bantuan pemasaran daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) selain khidmat nasihat yang ditawarkan Perbadanan Nasional Bhd. (PNS).

Sambal Pondok-Pondok kini memiliki tujuh jenis produk di pasaran iaitu Sambal Hijau, Sambal Bilis Kering, Sambal Berlado, Sabal Petai, Sambal Udang Kedondong, Sambal Jering dan Sambal Tumis Nasi Lemak.

Ia dijual pada harga antara RM13 hingga RM15 untuk berat 150 gram.

Menurut anak kelahiran Gombak ini, dia akan sentiasa memastikan setiap produk sambal Pondok-Pondok memiliki rasa yang setanding dengan sambal yang dimasak sendiri di rumah.

Selain dijual menerusi ejen, sambal Pondok-Pondok turut ditawarkan di platform e-dagang seperti Shopee dan kedai Mesra Petronas serta kedai runcit sekitar Gombak dan Lembah Klang.

"Untuk tahun 2019, saya berhasrat memperluaskan capaian produk ini dan berhasrat untuk memasuki lebih banyak kedai-kedai runcit di stesen minyak," jelas Noorlailah.

| Headline | Najib: Prices of eggs have not gone down, but going up | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 07 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 233,713 |
| Page No | A7 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 543 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,711 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,133 |






■纳吉通过个人推特上载鸡蛋价格表，反映蛋价上涨的贴文，获得赛夫丁纳苏迪安回应，指示吉隆坡贸消局调查。

# 納吉：部長的保證在哪？
# 雞蛋沒降價還更貴

（吉隆坡6日讯）尽管农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育曾经保证，指鸡蛋价格将会下降，但前首相拿督斯里纳吉今早到拿督克拉末巴刹巡视时发现，鸡蛋没有降价，反而起价。

纳吉今早通过个人推特上载一张鸡蛋价格表照片时说：“（这是）拿督克拉末巴刹的蛋价。”

他说，他到当地巡视了蛋价，部长指蛋价下降，商家却说涨价。

其推特随後获得国内贸易与消费人事务部长拿督赛夫丁纳苏迪安回应，指会将此消息转交给吉隆坡贸消局，以展开调查。

赛夫丁在个人推特转贴纳吉的推文说：“非常感谢这资料，将交给吉隆坡贸消局展开调查；继续成为一名精明的消费者，并向我们（贸消部）投报。”

此外，纳吉也在个人面子书上载同一张蛋价表照片，并补充贴文说，他今早8时到拿督克拉末巴刹逛，并与数名小贩和居民共进早餐。

他说，小贩指鸡蛋没有跌价，也抱怨肉鸡价格，已从早前的每公斤7令吉50仙上涨至每公斤8令吉50仙。

他质问财政部长林冠英和其政治秘书潘俭伟，不是说落实销售与服务税（SST）会让物价下降吗，为何不是这样？又说希盟赢了，人民会好过。

“结果大家都在申诉物价上涨，援助却减少。”




■纳吉也上载与人民共进早餐的照片，并指人民申诉物价上涨，援助却减少。

## 貿消部派員檢查

纳吉周日早上指拿督克拉末巴刹鸡蛋没有降价，反而起价后，贸消部则在下午，派员前往调查。

根据赛夫丁纳苏迪安周日下午在个人推特上载照片，并撰文说，无论是前首相或其他消费者，针对物价的投诉，贸消部一律都会调查。

他声称，贸消部执法官员随时随地监督物价，但他没有公布这起调查的结果。




■赛夫丁纳苏迪周日下午通过个人推特，就纳吉的投诉，指贸消部已派执法官员前往调查。

| Headline | Najib questions Minister of agriculture and agro-based industry over the price increase of | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 07 Jan 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A14 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 220 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,572 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,716 |



# 鸡蛋涨价 纳吉质疑农长

**吉隆坡6日讯**｜前首相拿督斯里纳吉透露，鸡蛋的价格不仅没有下跌，反而上涨了，质疑农业及农基工业部长沙拉胡丁说好的鸡蛋价格会下跌的言论，以及质问财政部长林冠英说好落实销售税（SST）会让物价下降的说法。

纳吉今早到隆市的拿督格拉末巴刹与人民和商家会面时，发现市面上售卖的鸡蛋价格并没有下降，反而起价了。

他在其个人面子书上载了一张鸡蛋价格列表照片并指出，有关的价钱表是在拿督格拉末巴刹的鸡蛋价格。

「这是今早在巴刹的蛋价表。部长说鸡蛋价格下跌，但卖家说上涨。那些『管蛋』的部长去了哪里？」

他表示，小贩指鸡蛋没有跌价之余，甚至鸡肉价格也上涨了。「之前是7令吉50仙，现在是8令吉50仙。」

纳吉质问财政部长林冠英和财政部特别官员潘俭伟，说好落实销售税会让物价下降的言论。

「为何不是这么一回事？又说希盟赢了，人民会好过。结果大家都在投诉物价上涨，援助却减少。」

纳吉透露，他是在今早8时到访拿督格拉末巴刹，与居民和商家会面并共进早餐，进而发现鸡蛋价格不跌反涨。

纳吉投诉鸡蛋价格一事，较后获得国内贸易与消费人事务部长拿督赛夫丁纳苏申的回应。

赛夫丁在个人推特上转帖纳吉帖文指出，会把消息转交至吉隆坡贸消局，以展开调查。

「非常感谢这资料，将交给吉隆坡贸消局展开调查；继续成为一名精明的消费者，并向我们（贸消部）投报 。」

农业及农基工业部长沙拉胡丁曾在去年12月表示，所有等级的鸡蛋价格将降低2仙。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Rezeki lumayan ternak arnab | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan) | | |
| Date | 07 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 33 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 437 cm² |
| Journalist | NORHASRAM MOHAMAD | AdValue | RM 3,061 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,183 |



# Rezeki lumayan ternak arnab

***Bukan sekadar hobi, permintaan untuk hidangan makin meningkat***

NORHASRAM MOHAMAD

**BACHOK**

Memelihara arnab bukan sekadar hobi, malah mampu menjana pendapatan lumayan kerana ia menjadi makanan eksotik yang mula disukai ramai.

Pengerusi Pertubuhan Darul Gemilang, Syahidul Amri Khairuddin berkata, daging arnab kini mendapat permintaan tinggi untuk dijadikan sate dan sup, selain digunakan dalam perubatan.

Katanya, orang ramai wajar merebut peluang menternak arnab selepas Kementerian Pertanian memperuntukkan RM20 juta untuk Program Agropreneur Muda yang mana setiap petani berpeluang menikmati geran dari RM10,000 hingga RM20,000.

"Kita membantu mengembangkan projek ternakan arnab kerana kita melihat potensinya agak baik dan berdaya maju.

"Harga arnab pedaging kini mencecah RM150 hingga RM800 seekor bagi induk manakala harga siap diproses dari RM25 hingga RM45 sekilogram," katanya.



**Peserta Kursus Penternakan Arnab Sebagai Sumber Rezeki menunjukkan minat tinggi untuk mengusahakannya secara komersil.**

Menurutnya, Kursus Penternakan Arnab Sebagai Sumber Rezeki Baharu dan Taklimat Pembiayaan Geran Kerajaan Agropremuer Muda di sini, baru-baru ini, memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Katanya, terdapat seramai 55 penternak arnab aktif di Kelantan yang bersedia berkongsi pengalaman bagi membantu penternak baharu yang berminat.

"Dengan jumlah penternak yang ada ketika ini, masih tidak mampu memenuhi keperluan pasaran yang semakin meningkat," katanya.



**Arnab berusia dua bulan dan kenali berat 1.6 kilogram yang sudah boleh dijual.**

Justeru katanya, orang ramai khususnya golongan muda perlu merebut peluang dengan menternak arnab secara komersil.

"Geran dari kerajaan akan membolehkan penternak menghasilkan lebih banyak induk untuk memastikan pembiakan lebih meluas.

"Arnab untuk dijadikan induk mesti yang mencapai matang dalam tempoh tiga bulan, bagaimanapun arnab boleh dijual ketika berusia dua bulan atau mencapai berat 1.6 kilogram," katanya.

*info*

**Daging arnab kini mendapat permintaan tinggi untuk dijadikan sate dan sup selain digunakan dalam perubatan**

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2019 | SINAR HARIAN | SETEMPAT | 36 |

## Bidang penternakan arnab jana pendapatan lumayan



Peserta Kursus Penternakan Arnab Sebagai Sumber Rezeki menunjukkan minat tinggi untuk mengusahakannya secara komersil.

BACHOK - Memelihara arnab bukan sekadar hobi malah mampu menjana pendapatan lumayan kerana ia menjadi makanan eksotik yang mula disukai ramai.

Pengerusi Pertubuhan Darul Gemilang, Syahidul Amri Khairuddin berkata, daging arnab kini mendapat permintaan tinggi untuk dijadikan sate dan sup selain digunakan dalam perubatan.

Katanya, orang ramai wajar merebut peluang menternak arnab selepas Kementerian Pertanian memperuntukkan RM20 juta untuk Program Agropreneur Muda yang mana setiap petani berpeluang menikmati geran dari RM10,000 hingga RM20,000.

"Kita membantu mengembangkan projek ternakan arnab kerana kita melihat potensinya agak baik dan berdaya maju.

"Harga arnab pedaging kini mencecah RM150 hingga RM800 seekor bagi induk manakala harga siap diproses dari RM25 hingga RM45 sekilogram,' katanya.

Menurutnya, Kursus Penternakan Arnab Sebagai Sumber Rezeki Baharu dan Taklimat Pembiayaan Geran Kerajaan Agropremuer Muda di sini, baru-baru ini memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Katanya, terdapat seramai 55 penternak arnab aktif di Kelantan yang bersedia berkongsi pengalaman bagi membantu penternak baharu yang berminat.

"Dengan jumlah penternak yang ada ketika ini, masih tidak mampu memenuhi keperluan pasaran yang semakin meningkat," katanya.

> *Kita bantu kembangkan projek ternakan arnab kerana kita melihat potensinya agak baik dan berdaya maju."* - Syahidul Amri

Justeru katanya, orang ramai khususnya golongan muda perlu merebut peluang dengan menternak arnab secara komersil.

"Geran dari kerajaan akan membolehkan penternak menghasilkan lebih banyak induk untuk memastikan pembiakan lebih meluas.

"Arnab untuk dijadikan induk mesti yang mencapai matang dalam tempoh tiga bulan, bagaimanapun arnab boleh dijual ketika berusia dua bulan atau mencapai berat 1.6 kilogram," katanya.

# Anggur Uzbekistan di Pasir Mas

*Percubaan pasangan pesara guru berhasil*

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR MAS



Cubaan pasangan pesara guru ini mengusahakan tanaman anggur Uzbekistan di kawasan sekitar halaman rumah berhasil apabila pokok itu berbuah lebat.



Wan Ahmad bersama anak lelakinya membuat tinjauan pada anggur yang hidup subur.

Percubaan pasangan suami isteri pesara guru, Wan Ahmad Wan Yusof, 73, dan Hawa Mat Piah, 71, mengusahakan tanaman anggur Uzbekistan di kawasan sekitar halaman rumah berhasil apabila pokok itu berbuah lebat.

Bukan itu sahaja, rasa anggur Uzbekistan yang diusahakan mereka 'manis leting' seperti sebagaimana ditanam di negara asal buah berkenaan.



Wan Ahmad dan Hawa menunjukkan anggur Uzbekistan yang ditanam bukan sahaja hidup subur tetapi manis leting.

Wan Ahmad berkata, minat untuk tanaman anggur itu timbul ketika dia bersama isteri berkunjung ke rumah seorang guru, Mohd Radzi Wan Salleh,51, yang merupakan pakar dalam tanaman tersebut.

"Melihat potensi tanaman itu, kami nekad untuk sertai kursus pertanian di Kuala Ibai, Terengganu bagi menambahkan ilmu berkait selok belok bidang berkenaan.

"Sejurus pulang daripada kursus itu, kami tidak berlengah dan terus mengusahakan tanaman anggur Uzbekistan," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Dangar, di sini.

Menurutnya, berkat kerja keras dan bantuan nasihat dari Mohd Radzi, dia bersama isteri berjaya mengusahakan projek tersebut.

Katanya, memasuki Febuari tahun lalu anggur Uzbekistan yang diusahakan oleh mereka mula berbuah dan sudah boleh dipetik.

Wan Ahmad berkata, apa yang mengejutkan buah anggur Uzbekistan itu masak ranum dan rasanya manis seperti negara asal.

Katanya, setakat ini dia mempunyai lapan pokok anggur Uzbeskitan yang ditanam di kawasan halaman rumahnya.

Sementara itu, Hawa berkata, dia dan suami amat meminati bidang pertanian sejak dari muda lagi.

Katanya, minat itu makin bercambah dan terus subur sehingga hari ini.

"Peringkat awal dahulu, saya suka tanam bunga. Namun selepas tahu selok belok pasal anggur, minat itu sudah berubah.

"Saya kini lebih selesa untuk mengusahakan tanaman anggur kerana ia memberikan satu cabaran baharu buat kami," katanya.

Anggur merupakan tanaman yang berasal dari keluarga Vitaceae dan termasuk dalam kategori jenis pokok yang berbuah setiap tahun. Ia boleh berbuah sebanyak dua atau tiga kali setahun.

**info**

**Rasa anggur Uzbekistan diusahakan mereka 'manis leting' seperti sebagaimana ditanam di negara asal buah itu**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/1/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 17 & 18 |

FOTO: BERNAMA



**KLIK**

**BEKALAN CUKUP** | Kelihatan orang ramai membeli barangan basah iaitu ikan di Pasar Chow Kit, semalam. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bahawa harga makanan laut terutama ikan tidak akan mengalami peningkatan walaupun keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa ini.